



**SMK DATUK MANSOR**  
**SOALAN PERCUBAAN STPM PENGGAL SATU TAHUN 2019**  
**PENGAJIAN AM**  
**MASA : 2 JAM**

**Arahan kepada calon:**

**JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA AND DIBENARKAN BERBUAT DEMIKIAN.**

*Kertas soalan ini mengandungi tiga bahagian, iaitu Bahagian A, B dan C.*

*Calon dikehendaki menjawab semua soalan dalam bahagian A dan B dan dua daripada tiga soalan daripada bahagian C.*

*Calon dikehendaki menandakan jawapan dalam bahagian A pada borang jawapan dan tulis jawapan pada ruangan yang disediakan dalam bahagian B.*

*Gunakan helaian kertas jawapan untuk menjawab Bahagian C. Ikat helaian jawapan bersama-sama kertas soalan ini.*

*Markah untuk tiap-tiap bahagian diberikan dalam tanda ( )*

<b>Untuk kegunaan pemeriksa</b>	
<b>Bahagian A</b>	
1- 15	
<b>Bahagian B</b>	
16	
17	
18	
19	
<b>Bahagian C</b>	
20	
21	
22	

### Bahagian A ( 15 markah )

Jawab semua soalan.

1. Yang manakah pernyataan yang benar tentang peranan sesebuah kerajaan ?

- I memastikan keamanan dan kententeraman
- II menyediakan kemudahan
- III memberi bantuan kewangan
- IV memberi suaka politik

A I dan II  
B I dan IV

C II dan III  
D III dan IV

2. Yang manakah berkaitan dengan cirri-ciri negara berdaulat?

- A mempunyai ideologi sendiri
- B mempunyai sempadan yang jelas
- C mempunyai pemerintahan secara demokrasi
- D mempunyai penduduk yang berbilang bangsa

3. Yang manakah benar tentang jawatan dan pihak yang melantiknya

	Jawatan	Pihak yang melantik
A	Peguam Negara	Yang Dipertuan Agong
B	Ketua Polis Negara	Perdana Menteri
C	Yang diPertua Negeri	Majlis Raja-Raja
D	Setiausaha Dewan Rakyat	Speaker Dewan Rakyat

- 4.
- Bertujuan untuk menyelaras antara kementerian
  - Ditubuhkan oleh Perlembagaan Persekutuan

Pernyataan di atas merujuk kepada

- A Majlis Air Negara
- B Majlis Tindakan Negara
- C Majlis Kewangan Negara
- D Majlis Keselamatan Negara

5. Di antara mahkamah-mahkamah berikut, yang manakah tidak boleh menjatuhkan hukuman bersalah dalam keputusan

- A Mahkamah Juvana
- B Mahkamah Koroner
- C Mahkamah Perusahaan
- D Mahkamah Bumiputera

6. Yang manakah tertakluk kepada kuasa budi bicara Yang di-Pertuan Agong?

- A memecat Menteri Kabinet
- B melantik Ketua Hakim Negara
- C memperkenankan pindaan perbelanjaan kerajaan
- D memberikan persetujuan kepada permintaan untuk pembubaran Parlimen

7. Yang manakah sumber kewangan Kerajaan Negeri?

- I cukai eksais
- II hasil bayaran zakat fitrah
- III bayaran lesen paparan iklan
- IV bayaran kompaun kesalahan trafik

- A I dan II
- B I dan IV

- C II dan III
- D III dan IV

8.

**Kes**

Peter dari Korea ditangkap ketika berada di dalam di Malaysia kerana membawa senjata berbahaya

Mahkamah manakah yang mempunyai bidang kuasa mengadili kes tersebut di atas?

- A Mahkamah Khas
- B Mahkamah Tinggi
- C Mahkamah Tentera
- D Mahkamah Harta Intelek

9. Yang manakah benar tentang kebebasan diri ?

- I seseorang pemastautin tetap boleh menyertai pilihan raya di Malaysia
- II semua rakyat Malaysia yang berumur 21 tahun ke atas wajib mengundi
- III semua orang adalah sama di sisi undang-undang tanpa mengira keturunan, warna kulit atau agama
- IV semua orang yang ditangkap perlu dihadapkan kepada majistret dalam tempoh 24 jam hari bekerja

- A I dan II
- B I dan IV

- C II dan III
- D III dan IV

10. Antara pernyataan yang berikut, yang manakah benar mengenai Perbendaharaan ?

- A menggubal dasar perkhidmatan awam
- B mengesan keperluan dan menjalankan penyelidikan
- C menyediakan sistem yang sesuai untuk mendapatkan wang
- D menyediakan rancangan pembangunan Kebangsaan Lima Tahun

11. Encik X mengamuk dengan menggunakan parang panjang di stesen bas Kuantan

Encik X boleh ditahan melalui

- A saman
- B waran tangkap
- C writ mahkamah
- D tangkapan tanpa waran

12. Yang manakah diambil kira dalam pembahagian bidang kuasa mahkamah awam di Malaysia?

- I berat kes dari segi hukuman
- II jenis kes dari segi sivil atau jenayah
- III bukti kes yang mencukupi mendakwa seseorang
- IV jumlah wang yang terlibat dalam kes sivil

- |            |              |
|------------|--------------|
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan IV | D III dan IV |

13. Yang manakah padanan yang **BENAR** tentang badan berkanun dan badan tidak berkanun?

	<b>Badan Berkanun</b>	<b>Badan Tidak Berkanun</b>
I	Ditubuhkan di bawah Akta Parlimen atau Enakmen Negeri	Ditubuhkan di bawah Akta Syarikat
II	Pegawai perkhidmatan awam boleh dipinjam	Pegawai perkhidmatan awam tidak boleh dipinjam
III	Anggaran belanjawan tahunan tertakluk kepada kawalan agensi pusat	Anggaran belanjawan tahunan tertakluk kepada kawalan agensi pusat
IV	Tidak boleh menubuhkan anak syarikat	Boleh menubuhkan anak syarikat

- |             |              |
|-------------|--------------|
| A I dan II  | C II dan III |
| B I dan III | D II dan IV  |

14. Tadbir urus terbaik sector awam berteraskan kepada

- I ketelusan pengurusan
- II karenah birokrasi
- III Integriti dan Amanah
- IV Penguatkuasaan undang-undang yang ketat

- |             |              |
|-------------|--------------|
| A I dan II  | C II dan IV  |
| B I dan III | D III dan IV |

15. Yang manakah tindakan utama dalam pelaksanaan tadbir urus yang baik dalam sektor awam?

- A menggubal visi, misi dan objektif
- B membangunkan kepakaran dan keupayaan sumber manusia
- C mewujudkan mekanisme dan proses musyawarah dengan pelanggan
- D mendokumen dan mengemaskini semua polisi, proses dan prosedur sektor awam

### **Bahagian B ( 15 markah )**

Jawab semua soalan.

16. Nyatakan **tiga** golongan warganegara Malaysia yang layak mengundi secara pos dalam pilihan raya. ( 3 )

- (i) .....
- (ii) .....
- (iii) .....

17. Jelaskan **dua** jenis hasil kutipan Kerajaan Persekutuan Malaysia. ( 4 )

- (i) .....
- .....
- (ii) .....
- .....

18. Soalan di bawah berdasarkan Perlembagaan Persekutuan seperti di bawah :

- Perlembagaan Persekutuan adalah undang-undang tertinggi negara
- Mengandungi beberapa perkara penting terutamanya kewarganegaraan, bahasa Melayu, agama, kebebasan asasi, keistimewaan orang Melayu dan Bumiputra Sabah dan Sarawak

( a ) Senaraikan **dua** daripada syarat-syarat memperoleh kewarganegaraan secara naturalisasi bagi mereka yang berumur 21 tahun ke atas. ( 2 )

- (i) .....
- (ii) .....

(b) Nyatakan taraf kewarganegaraan bagi kes berikut :

(i) Status anak yang dilahirkan oleh pasangan Malaysia yang tinggal bekerja di Australia. ( 1 )

- .....
- (ii) Status anak yang dilahirkan oleh warganegara Bosnia manakala bapa berstatus warganegara di perairan antarabangsa. ( 1 )

19.

Tadbir urus terbaik adalah berdasarkan kepada Prinsip Utama Tadbir Urus

Berdasarkan kenyataan di atas,uraikan dua prinsip utama tadbir urus. (4 )

(i).....

(ii).....,

**Bahagian C ( 50 markah )**

Pilih **dua** daripada tajuk di bawah, dn tulis karangan yang panjangny antara 300 hingga 350 patah perkataan.

20. Selain daripada menjelaskan masa depan kanak-kanak, jenayah juvana juga menimbulkan pelbagai kesan lain. Oleh itu, pelbagai pihak perlu berganding bahu untuk menanganinya. Bincangkan.

21. Perkembangan teknologi maklumat merupakan pemangkin kepada tadbir urus yang cekap. Jelaskan.

22. Amalan pemakanan yang tidak sihat bukannya punca utama wujudnya pelbagai penyakit pada masa kini. Sebliknya terdapat pelbagai faktor lain yang menyebabkan manusia terdedah kepada pelbagai penyakit. Ulaskan.

**KERTAS SOALANINI TELAH TAMAT**

Disediakan oleh,

( Pn.Wong Sook Fun)

Disemak oleh,

( En.Mohd Sofian bin Aman @ Ab Rahman )

Disahkan oleh,

( Pn.Hjh Noorlela bt Yahaya )  
GPK Tingkatan Enam